



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN BAHASA DAN IDENTITI BAHASA PELAJAR MELAYU  
BRUNEI DI SABAH***

**MOHD. ARIFIN BIN MOHD. ARIF**

**FBMK 2020 51**



**PENGGUNAAN BAHASA DAN IDENTITI BAHASA PELAJAR MELAYU  
BRUNEI DI SABAH**

Oleh

**MOHD. ARIFIN BIN MOHD. ARIF**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Doktor Falsafah**

**Julai 2020**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Buat ayahanda dan bonda tercinta, Jutaan  
terima kasih atas doa kalian. Ku  
hargai segala pengorbanan mu, Ku  
ingati setiap pesanan mu,  
Kadikamu sumber inspirasi kejayaan ku.

Buat adik-beradik dan keluarga, Terima  
kasih atas doa dan sokongan kalian.

Teman dan rakan seperjuangan yang memahami keperitan ini,  
Orang perseorangan yang sentiasa di sisi tatkala suka dan duka,  
Ku harapkan ikatan kasih sayang dan jalinan persahabatan, Kekal  
abadi.

Semuanya amat bererti buat diriku.

Anak labi makan mengecap,  
Beri makan kelopak jantung;  
Pada nabi saya mengucap,  
Pada Tuhan saya bergantung.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **PENGUNAAN BAHASA DAN IDENTITI BAHASA PELAJAR MELAYU BRUNEI DI SABAH**

Oleh

**MOHD. ARIFIN BIN MOHD. ARIF**

Julai 2020

**Pengerusi : Profesor Madya Norazlina Mohd Kiram, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Bahasa merupakan medium utama untuk menyerlahkan identiti bahasa masyarakat, khususnya golongan muda. Penggunaan bahasa ibunda dalam komunikasi seharian secara tidak langsung memperlihatkan sikap penutur terhadap bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan penggunaan dan tahap penguasaan bahasa pelajar Melayu Brunei di Sabah serta merumuskan hubungan antara sikap dengan identiti bahasa mereka. Reka bentuk kajian ini menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kaedah tinjauan dan lapangan digunakan dalam pengumpulan data. Data kemudiannya dianalisis dengan menggunakan Teori Analisis Domain Fishman (1965) dengan menumpukan kepada domain rumah dan domain sekolah. Model Identiti Bahasa (Rezaie, 2013) pula digunakan untuk mengenal pasti semangat kekitaan, sikap terhadap sebutan, bahasa dan status sosial, penggunaan bahasa lain, pengetahuan bahasa dan abjad. Mankala, Senarai Swadesh (2013) digunakan untuk mengenal pasti pemilihan kosa kata pelajar. Responden terdiri daripada 56 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Melayu Brunei lebih kerap menggunakan bahasa Melayu Brunei dalam domain kekeluargaan dan domain pendidikan. Bahasa Melayu standard pula digunakan sebagai kod variasi tinggi dalam konteks formal. Berdasarkan Model Identiti Bahasa, tahap penguasaan bahasa Melayu Brunei pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Manakala, hubungan antara sikap dengan identiti bahasa lebih memihak kepada bahasa Melayu Brunei berbanding dengan bahasa Melayu standard. Korelasi antara sikap terhadap bahasa Melayu Brunei dengan identiti bahasa pelajar menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara sikap terhadap bahasa ibunda dengan identiti bahasa. Nilai  $-0.480$  mewakili hubungan linear negatif mutlak, iaitu apabila sikap terhadap bahasa ibunda menurun, identiti bahasa pun menurun. Keputusan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap bahasa Melayu

standard dan identiti bahasa dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, ia menunjukkan perkembangan yang positif bagi daya hidup bahasa Melayu Brunei sebagai bahasa ibunda. Tiga faktor yang menyumbang kepada pemeliharaan bahasa Melayu Brunei ialah demografi, sikap terhadap bahasa ibunda dan kesamaan agama. Secara keseluruhannya, pelajar Melayu Brunei masih menggunakan bahasa Melayu Brunei dalam domain tertentu dan mempunyai perkaitan yang rapat dengan identiti bahasa.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

## **LANGUAGE USE AND LANGUAGE IDENTITY OF BRUNEI MALAY STUDENTS IN SABAH**

By

**MOHD. ARIFIN BIN MOHD. ARIF**

July 2020

**Chairman : Associate Professor Norazlina Mohd Kiram, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Domains of language use domains and language proficiency tests can highlight the identity of the Brunei Malay community. Thus, this study was conducted to examine language use among the Brunei Malay students in Membakut, Sabah, and its relationship with language identity. The survey method involved 56 students, while the interview method was implemented to 30 students and 9 informants. The language use among the Brunei Malay students based on Domain Analysis Theory shows that students more often used Malay Brunei in the family domain also in the educational domain. Conversely, the standard Malay is used as a code of high variation used in formal contexts. The participants' bilingual type is bilingualism with diglossia, namely Brunei Malay language and standard Malay, each has different functions. Based on Language Identity Model, the proficiency level among female students was higher than male students. However, both groups failed to achieve the 85 marks and above (very satisfactory level) nor 70-84 marks (satisfactory level). By comparison, more female students proficient in Brunei Malay than male students in the written test. The relationship between attitudes and language identity among students favored the Brunei Malay language compared to standard Malay. Correlation between attitudes towards the Brunei Malay language and language identity among the students found a mild relationship between attitudes toward the mother tongue and the language identity. The value of  $-0.480$  represents an absolute negative linear relationship, i.e., when attitudes towards the mother tongue decrease, language identity also decreases. Results also showed no significant relationship between attitudes toward standard Malay and language identity among the students. The results seem negative but positive for the vitality of the Brunei Malay language as the mother tongue. Three factors that contribute to the maintenance of the Brunei Malay language are the demographics, attitudes toward the mother tongue, and religious similarity.

Overall, the Brunei Malay students still use the Brunei Malay language in specific domains and closely relate to the language identity.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur atas limpahan rahmat, nikmat dan hidayah Allah s.w.t. kerana dengan izin dan kemudahan-Nya, tesis ini telah dapat disiapkan dengan sebaiknya. Tesis ini dapat pengkaji siapkan dengan adanya bantuan dan sokongan pelbagai pihak. Oleh sebab itu, sebagai ungkapan ruadat yang tulus, penyelidik menyampaikan rasa terima kasih yang luhur khusus buat Profesor Madya Dr. Norazlina Binti Haji Mohd Kiram selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan tesis, Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani dan Dr. Sharil Nizam Bin Sha'ri sebagai ahli. Tanpa tunjuk ajar, bimbingan dan bantuan mereka mustahil tesis ini dapat disiapkan dengan lengkap.

Selanjutnya, Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Syarikat Sedafiat Sdn Bhd yang berpusat di Kota Kinabalu, Sabah kerana membiayai urusan kaji selidik dan kerja lapangan yang berkaitan dengan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Cikgu Rusmadi Ahmad, Penolong Kanan Pentadbiran, Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II. Beliau banyak membantu proses pengumpulan data di lokasi kajian. Penghargaan ini juga ditujukan kepada pengetua sekolah tersebut dan semua pelajar yang telah memberikan kerjasama serta sudi menjadi peserta kajian. Penyelidik berdo'a dan berharap semoga semua pihak yang telah membantu dengan kebaikan dan ketulusan mendapat balasan dan menjadi ladang amal di sisi Allah s.w.t. Semoga isi tesis ini bermanfaat bagi mereka yang berminat dan sesiapa sahaja yang sudi membacanya. Sallallahu Alaihi Wassalam.

“BERILMU BERBAKTI”

Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif GS46168



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Noor Aina binti Dani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Mohd. Arifin bin Mohd. Arif, GS46168

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya

Dr. Norazlina binti Haji Mohd Kiram

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya

Dr. Noor Aina binti Dani

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat	
<b>ABSTRAK</b>	i	
<b>ABSTRACT</b>	iii	
<b>PENGHARGAAN</b>	iv	
<b>PENGESAHAN</b>	v	
<b>PERAKUAN</b>	vii	
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi	
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv	
<b>BAB</b>		
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	Pengenalan	1
	Kawasan Penyebaran Bahasa Melayu Brunei di Negeri Sabah	3
	Pernyataan Masalah	6
	Objektif Kajian	9
	Persoalan Kajian	9
	Hipotesis Kajian	9
	Kepentingan Kajian	10
	Batasan Kajian	12
	Definisi Operasional	13
	Penggunaan Bahasa Melayu Pelajar Brunei	13
	Identiti Bahasa Pelajar Melayu Brunei di Sabah	14
	Kesimpulan	15
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	17
	Pengenalan	17
	Kajian Penggunaan Bahasa Melayu	17
	Kajian Identiti Bahasa	29
	Jurang Penyelidikan	42
	Kesimpulan	45
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	46
	Pengenalan	46
	Reka Bentuk Kajian	46
	Kerangka Teori	46
	Teori Analisis Domain (Fishman, 1965)	46
	Model Identiti Bahasa (Rezaei, 2013)	49
	Kaedah Kajian	53
	Kaedah Tinjauan	53
	Kaedah Temu Bual	53
	Kaedah Pemerhatian	56
	Kaedah Rakaman	57
	Sampel	59
	Lokasi	60

	Instrumen/Bahan	61
	Kajian Rintis	63
	Kajian Sebenar	65
	Proses Penganalisisan Data	66
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	69
	Kerangka Konseptual	70
	Kesimpulan	71
<b>4</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>72</b>
	Pengenalan	72
	Analisis dan Perbincangan	72
	Penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Melayu Brunei Di Sabah Berdasarkan Teori Analisis Domain	72
	Aplikasi Teori Analisis Domain	81
	Tahap Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di Sabah berdasarkan Model Identiti	91
	Kosa Kata Bahasa Melayu Brunei	106
	Penguasaan Ayat Bahasa Melayu Brunei	114
	Hubungan antara Sikap dengan Identiti Bahasa dalam kalangan Pelajar Melayu Brunei di Sabah	119
	Aplikasi Teori Identiti dan Pemeliharaan Bahasa Melayu Brunei	133
	Persoalan Kajian	140
	Hipotesis Kajian	143
	Implikasi Kajian	147
	Rumusan	149
	Kesimpulan	151
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>155</b>
	Pengenalan	155
	Rumusan	155
	Implikasi	156
	Kebaharuan	159
	Cadangan Penyelidikan	161
	Penutup	162
	<b>RUJUKAN</b>	<b>164</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>172</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>188</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>189</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1	Komponen Identiti Bahasa dan Definisi 50
3.2	Komponen Identiti Bahasa dan Item Soal Selidik 52
4.1	Pilihan Penggunaan Bahasa oleh Pelajar Melayu Brunei dalam Domain Kekeluargaan (Rumah) 73
4.2	Pilihan Penggunaan Bahasa oleh Pelajar Melayu Brunei dalam Domain Pendidikan (Sekolah) 75
4.3	Jenis Fungsi Dwibahasa dan Domain Bahasa 78
4.4	Markah Ujian Bahasa Pelajar Perempuan 93
4.5	Respons Identiti Bahasa Pelajar Perempuan 94
4.6	Interpretasi Identiti Bahasa Pelajar Perempuan 95
4.7	Peratusan Purata Ujian BM dan Respons Identiti Bahasa Pelajar Perempuan 96
4.8	Analisis Tahap Peratusan Purata Ujian Bahasa dan Respons Identiti Pelajar Perempuan 97
4.9	Markah ujian bahasa pelajar lelaki 98
4.10	Respons Identiti Bahasa Pelajar Lelaki 100
4.11	Interpretasi Identiti Bahasa Pelajar Lelaki 101
4.12	Peratusan Purata Ujian BM dan Respons Identiti Bahasa Pelajar Lelaki 102
4.13	Analisis Tahap Peratusan Purata Ujian Bahasa dan Respons Identiti Pelajar Lelaki 103
4.14	Statistik Kumpulan Gender Pelajar Melayu Brunei dMS 105
4.15	Hasil Sebenar Penguasaan Bahasa Melayu Brunei Mengikut Gender Ujian -t Sampel Bebas 105
4.16	Sikap Bahasa Pelajar Melayu Brunei dMS 119
4.17	Analisis Korelasi antara Sikap Bahasa dengan Identiti Bahasa 120

4.18	Komponen Semangat Kekitaan	124
4.19	Komponen Sikap Terhadap Sebutan	125
4.20	Komponen bahasa dan status sosial	126
4.21	Komponen Penggunaan/Pendedahan B1 dalam Masyarakat	127
4.22	Komponen Pengetahuan Bahasa	128
4.23	Komponen Skrip/Abjad	129
4.24	Statistik Kumpulan Gender Pelajar Melayu Brunei dMS	141
4.25	Hasil Sebenar Penguasaan Bahasa Melayu Brunei Mengikut Gender Dari Ujian - <i>t</i> Sampel Bebas	141
4.26	Statistik Deskriptif bagi Identiti Bahasa Berdasarkan Skor Responden	142
4.27	Peratus Identiti Bahasa Responden	143
4.28	Analisis Korelasi antara Pilihan Penggunaan Bahasa dalam Domain Khusus dengan Identiti Bahasa	144
4.29	Analisis Korelasi Penguasaan Bahasa Melayu Brunei dengan Identiti Bahasa	145
4.30	Pengukuran Kuasa Dua Eta	146

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1.1	Kawasan Bahasa-bahasa Etnik di Sabah	4
1.2	Kawasan Bahasa Melayu Brunei di Sabah	5
3.1	Rangka Teori Analisis Domain	47
3.2	Komponen Identiti Bahasa	51
3.3	Justifikasi Pemilihan Sampel	60
3.4	Pekan Membakut di Daerah Beaufort, Sabah	61
3.5	Kerangka Konseptual	70
4.1	Kekerapan Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan (Rumah)	76
4.2	Kekerapan Pilihan Bahasa dalam Domain Pendidikan (Sekolah)	77
4.3	Pengisian Rangka Teori Analisis Domain dalam Penyelidikan	90
4.4	Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Melayu Brunei di Sabah berdasarkan Model Identiti Bahasa	104



## SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BMB	Bahasa Melayu Brunei
BMS	Bahasa Melayu standard
DMS	Dialek Melayu Sabah
BI	Bahasa Inggeris
dMS	daerah Membakut, Sabah
Msia	Malaysia
Jum.	Jumlah
~	Sama dengan

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Bahasa Melayu Brunei merupakan salah satu daripada bahasa etnik yang dituturkan di negeri Sabah. Perbezaan sebutan dalam bahasa yang dituturkan sudah cukup untuk mengkategorikan orang Brunei ke dalam kelompok bangsa yang berlainan. Daripada istilah bangsa wujud pengertian bahawa orang yang membentuk bangsa yang sama mempunyai bahasa yang sama. Menuturkan sebuah bahasa yang sama ialah antara ciri yang menentukan jati diri bangsa Brunei. Dapatlah dikatakan bahawa bahasa Brunei bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat Brunei di Sabah, malahan menjadi ciri yang mendefinisikan bangsa. Umpamanya, orang Melayu Brunei menuturkan bahasa Melayu. Bahasa ialah esen jati diri sesebuah masyarakat (Abdullah, 2009:62). Oleh hal yang demikian, pengkaji berhasrat untuk meneliti penggunaan bahasa dari aspek kosa kata dan ayat dalam bahasa Melayu Brunei, pilihan penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan (rumah) dan pendidikan (sekolah) dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di daerah Membakut, Beaufort, Sabah. Penggunaan bahasa tersebut kemudiannya dikaitkan dengan identiti bahasa.

Bahasa Melayu Brunei ialah label yang paling jelas untuk menunjukkan identiti bahasa bagi kumpulan pelajar Melayu Brunei di Sabah. Menurut Wei (2008:160), tafsiran hubungan bahasa dengan identiti membolehkan insan membentuk perasaan muhibah dalam masyarakat. Apabila tafsiran tersebut dikekalkan, bahasa menjadi label yang paling jelas untuk menunjukkan identiti berterusan sesuatu kumpulan. Hal ini benar dalam kumpulan pelajar Melayu Brunei di Sabah. Berdasarkan pemerhatian dan pengetahuan pengkaji sebagai orang Melayu Brunei yang lahir di Sabah, walaupun mereka digelar sebagai orang Melayu, mereka adalah berlainan daripada etnik Melayu di Semenanjung Malaysia. Bahasa Melayu Brunei yang lebih dikenali dalam kalangan orang Brunei sebagai cakap Barunai atau kurapak Barunai jauh berbeza daripada bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia. Misalnya, pelajar Melayu Brunei dapat memahami pantun yang disampaikan dalam bahasa Melayu standard, tetapi pelajar Melayu dari Semenanjung Malaysia belum tentu memahami pantun Melayu Brunei. Contoh pantun Melayu Brunei adalah seperti di bawah:

*Aing wuduk lakat batitisan  
Karingtah ia dibawa bajalan  
Baribu buku nda taungkayah dihabiskan  
Pilih tah bacaan anu banyak pangajaran*

Terjemahan dalam bahasa Melayu standard:

Air wuduk masih bertitisan  
Keringlah ia dibawa berjalan Beribu  
buku tak upaya dihabiskan  
Pilihlah bacaan yang banyak pengajaran

Pantun Melayu Brunei tersebut memperlihatkan kelainan daripada bahasa Melayu standard. Kosa kata yang digunakan sukar difahami oleh orang luar. Pantun ini menyampaikan nasihat agar masyarakat berhati-hati memilih bahan bacaan kerana ada pantun yang tidak memberi manfaat kepada pembaca. Individu perlu bijak memilih bacaan yang terbaik untuk menjadi pedoman dan teladan dalam menjalani kehidupan seharian. Daripada maksud pantun ini diketahui bahawa agama Islam merupakan ciri identiti Melayu Brunei kerana semua orang Melayu Brunei beragama Islam. Oleh sebab itu, terdapat kata pinjaman daripada bahasa Arab yang diasimilasikan ke dalam perbendaharaan kata Melayu Brunei, iaitu 'wuduk'.

Maklumat daripada sejarah mendapati bahawa cakap Barunai merupakan kelainan bahasa Melayu yang berpengaruh di utara Borneo. Bahasa Melayu Brunei telah lama berfungsi sebagai lingua franca serantau. Hal ini demikian kerana sebahagian besar negeri Sabah pada masa kini pernah ditadbir di bawah kerajaan Brunei dan dihuni oleh orang Brunei (Clynes, 2001:11). Bahasa Melayu Brunei pada masa kini berada di bawah tekanan yang kuat dari bahasa Inggeris, bahasa Melayu standard dan bahasa peribumi Sabah, terutama dalam kalangan penutur golongan muda.

Kelainan bahasa Melayu Brunei dituturkan di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan negara Brunei Darussalam seperti di pedalaman bawah Sabah, Miri dan Limbang. Bahasa ini dituturkan oleh kelompok Melayu di Sabah yang menamakan diri mereka orang Brunei. Bahasa Melayu Brunei mempunyai tiga vokal: a, i, dan u. Konsonan r dalam bahasa itu terdapat dalam semua lingkungan di awal, tengah dan akhir kata, seperti dalam Bahasa Melayu standard (Asmah Haji Omar, 2008:65). Percakapan antara anak dengan ibunya dalam bahasa Melayu Brunei dipaparkan seperti yang berikut:

Anak: Bu, kan bajaurku rumah Asai, kajap ganya ni.  
(Bu, saya pergi rumah Asai, sekejap saja ni.)

Ibu: Kan bakudung inda baranti cuba tah taranah di rumah.  
(Kau berjalan tidak berhenti, cubalah duduk diam kat rumah.)

Bahasa Melayu Brunei hanyalah satu daripada ciri identiti bangsa pelajar Melayu Brunei di Sabah. Empat ciri identiti bangsa yang lain berdasarkan kupasan Abdullah (2009: 62) ialah leluhur, kebudayaan, agama dan tempat tinggal yang sama. Orang Melayu Brunei di Sabah pada masa kini berasal daripada keturunan generasi Melayu terdahulu. Sejarah migrasi orang Brunei ke Sabah bermula semasa pemerintahan Sultan Brunei ke-5 iaitu Sultan Bolkuah (1485-1524). Era ini ditandai sebagai 'Zaman Keagungan' kerajaan Kesultanan Brunei, yang mencapai kemuncaknya semasa pemerintahan Sultan Bolkuah (1485-1524 M.). Seorang sejarawan British bernama, H. Hughes-Hallett (1940) dalam Bilcher, Baszley & Jakaria (2008:13) memberi gambaran berkenaan negara Brunei pada era Sultan Bolkuah sebagai sebuah negara yang luas merangkumi seluruh Sabah dan Sarawak. Dari segi epistemologi, orang Melayu Brunei menonjolkan unsur budaya yang terdiri daripada pakaian, rambut, makanan dan cara memasak, agama, adat-istiadat dan bahasa sebagai sumber utama pembentukan identiti Brunei di Sabah. Unsur-unsur budaya itu digunakan untuk mengidentifikasikan Melayu Brunei. Nama Melayu dan Islam bersatu kukuh dengan amalan cara hidup etnik Brunei di Sabah. Pada zaman pemerintahan Sultan Bolkuah, agama Islam telah tersebar dari Brunei ke seluruh Pulau Borneo termasuk Sabah. Hingga kini, agama Islam merupakan agama anutan orang Melayu Brunei di Sabah.

Gabungan kebudayaan dan amalan Islam merupakan cara kehidupan orang Melayu Brunei di Sabah. Kepercayaan diselaraskan dengan budaya yang menjadi teras identiti orang Melayu Brunei. Walau bagaimanapun, orang Brunei tetap mengekalkan toleransi menghormati agama dan kepercayaan etnik yang lain. Penghormatan dan pemahaman bersama ini mewujudkan persekitaran yang harmoni, memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di negeri Sabah. Keperluan untuk berkongsi ruang dengan kumpulan etnik lain di Sabah adalah penting bagi orang Melayu Brunei. Pada masa yang sama, mereka berusaha untuk mengekalkan identiti Melayu yang ada pada mereka (Hussainmiya, 2010:68).

### **Kawasan Penyebaran Bahasa Melayu Brunei di Negeri Sabah**


Sejarah migrasi orang Brunei ke Sabah bermula semasa pemerintahan Sultan Brunei ke-5, iaitu Sultan Bolkuah (1485-152). Sultan Bolkuah menggalakkan rakyatnya bermigrasi keluar mencari kawasan yang subur untuk dijadikan permukiman baharu. Di setiap jajahan yang kini membentuk negeri Sabah, kerajaan Kesultanan Brunei telah melantik kaum kerabat bangsawan Melayu Brunei menjadi pembesar (wakil Sultan) di mukim-mukim tertentu. Kini kaum Melayu Brunei terdapat dalam daerah-daerah di sepanjang kawasan pantai negeri Sabah. Kebanyakan populasi mereka terdapat di kawasan pantai barat (Bilcher, Baszley & Jakaria, 2008:13). Mereka bermastautin, terutamanya di kawasan pinggir pantai yang menganjur dari daerah Tuaran (bahagian utara) sehingga ke daerah Sipitang (bahagian selatan). Beberapa kawasan yang didiami oleh orang Brunei di negeri Sabah ialah Membakut, Sipitang, Weston, Menumbok, Kuala Penyu, Kota Klias, Bongawan, Kimanis, Benoni, Papar,

Tuaran, dan Kudat.

Secara terperinci, kawasan penyebaran Bahasa Melayu Brunei di negeri Sabah meliputi daerah-daerah di zon pedalaman bawah, iaitu Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan Pulau Labuan. Kawasan permukiman etnik Melayu Brunei di negeri


Sabah dipaparkan dalam Rajah 1.1 dengan menggunakan kod 63. Lewis (2009:16) menggolongkan Melayu Brunei dalam cabang keluarga bahasa yang digelar dengan nama 'Malayic'.

Asmah Haji Omar (1985:330) juga berpendapat bahawa Melayu Brunei dituturkan oleh etnik Brunei di sekitar Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan di Pulau Labuan. Dalam daerah geografi yang sama, bahasa Melayu Brunei berfungsi sebagai bahasa komunikasi seharian dan kuasa simbolik yang menghubungkan penutur atau kumpulan dari daerah Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan Pulau Labuan.



**Rajah 1.1 : Kawasan Bahasa-bahasa Etnik di Sabah**  
(Sumber : Lewis, 2009:16. www.ethnologue.com)

Jika kawasan penyebaran Bahasa Melayu Brunei di negeri Sabah yang merangkumi Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan Pulau Labuan dalam Rajah 1.1 yang menggunakan kod 63 dikeluarkan daripada peta bahasa-bahasa etnik di Sabah, daerah geografinya adalah seperti dalam Rajah 1.2.



**Rajah 1.2 : Kawasan Bahasa Melayu Brunei di Sabah**  
(Sumber : Ethnologue, 2015:2)

Kebanyakan populasi kaum Melayu Brunei menetap di sepanjang kawasan pantai barat negeri Sabah. Secara tradisi, Melayu Brunei ialah kaum nelayan, pelayar dan pedagang. Selain itu, ada juga yang berkhidmat dalam sektor awam dan industri. Mereka hidup dalam komuniti kampung air, iaitu satu tradisi gaya hidup dalam rumah-rumah di atas air laut. Satu bukti yang kukuh mengenai pengaruh budaya Melayu Brunei ditemui dalam peralatan seni tradisional, iaitu kulintang dan gambus.

Bahasa bersifat arbitrari yang mencakup dua jenis unsur, iaitu kecenderungan untuk menggunakan instrumen leksikologi dan tatabahasa atau peraturan struktur (Saussure, 2011:133). Dalam konteks kajian ini, penyelidik cenderung menggunakan instrumen leksikologi seperti Senarai kata Swadesh dan dalam ujian penguasaan bahasa Melayu Brunei. Menurut pandangan Jackendoff (2003:29), penguasaan bahasa ialah pengetahuan penutur-pendengar tentang bahasanya. Dengan kata lain, ujian penguasaan bahasa akan mengukur kemampuan bahasa ibunda pelajar Melayu Brunei berdasarkan pengetahuan sedia ada tentang leksikal dan struktur ayat. Bahasa Melayu Brunei ialah bahasa ibunda pelajar Melayu Brunei. Bahasa Melayu Brunei biasanya dipelajari semasa zaman kanak-kanak. Sebagai penutur asli bahasa itu, pelajar dianggap menggunakan bahasa ibunda dengan betul dan mudah, dapat menyampaikan makna yang tepat dan memahami serta boleh menggunakan bahasa kolokial, idiom dan slanga. Bahasa merupakan keupayaan yang diperlukan untuk mengendalikan domain tertentu. Penggunaan bahasa Melayu Brunei dalam kalangan pelajar Melayu Brunei boleh dikesan dalam domain keluarga, komuniti

(jiran dan rakan sebaya) dan sekolah. Sekolah sebagai domain khusus bahasa mempunyai kesan yang besar terhadap hubungan yang berkait rapat dengan identiti pelajar Melayu Brunei.

Para pengkaji terdahulu telah mengenal pasti faktor domain dan peserta, yang dipercayai mempengaruhi penggunaan bahasa etnik minoriti. Terdapat tiga corak bahasa dalam pertuturan masyarakat etnik minoriti Melayu Brunei di Sabah, iaitu pertama, dengan ibu bapa yang melibatkan campuran bahasa ibunda dan dialek Melayu Sabah; kedua, dengan adik-beradik yang sebahagian besarnya melibatkan penggunaan dialek Melayu Sabah; dan ketiga dengan datuk dan nenek, yang sebahagian besarnya bahasa ibunda. Lazimnya, generasi muda mewajarkan penggunaan bahasa ibunda dengan datuk nenek dan saudara-mara tua bagi menunjukkan rasa hormat serta membuat ibu bapa berasa bangga kerana anak-anak berjaya mengekalkan nilai bahasa ibunda. Walau bagaimanapun, golongan ini akan beralih kepada dialek Melayu Sabah atau bahasa campuran apabila berkomunikasi dengan rakan.

### **Pernyataan Masalah**

Semangat kekitaan pelajar Melayu Brunei terhadap bahasa Melayu standard lebih kuat berbanding dengan semangat kekitaan mereka terhadap bahasa Melayu Brunei. Hal ini menyebabkan penggunaan bahasa Melayu Brunei sebagai bahasa ibunda semakin terhakis kerana bahasa Melayu Brunei terbatas peranannya sebagai bahasa didikan dalam komuniti etnik Brunei sahaja. Respons daripada 10 pelajar Melayu Brunei ini diperolehi melalui kajian rintis di Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II, Beaufort, Sabah yang bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan instrumen kajian sebelum pentadbiran kajian sebenar. Semangat kekitaan pelajar Melayu Brunei di daerah itu terhadap bahasa ibunda agak berbeza daripada rakan sebangsa mereka di negara Brunei Darussalam kerana mereka lahir dan membesar sebagai etnik minoriti di negara Malaysia yang menggunakan bahasa pengantar utama dan bahasa rasmi lain, iaitu bahasa Malaysia (Loo, 2009:150), sedangkan rakan mereka di negara Brunei Darussalam menggunakan bahasa Melayu Pan-Brunei ((Noor Azam & Siti Ajeerah, 2016: 19). Bagi pelajar Melayu Brunei di Membakut, Sabah situasi sedemikian bukan sahaja rumit dari aspek bahasa, malahan budaya, sistem sosial dan politik. Dalam hubungan ini, faktor utama yang membentuk identiti bahasa mereka ialah orang yang mereka temui, loghat Melayu standard, dan kurikulum dalam sistem pendidikan di Sabah. Aspek-aspek sosiobudaya asas ini turut mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertingkah laku.

Pengaruh media dalam era globalisasi turut membawa perubahan kepada identiti bahasa dalam kalangan golongan muda, khususnya Generasi Y yang mempunyai sifat hibrid akibat proses penyesuaian budaya era globalisasi (Haryati et al., 2016:23). Sudah pasti beberapa pelajar Melayu Brunei yang menganggap identiti hibrid sebagai suri teladan lebih cenderung mempersoalkan identiti bahasa ibunda.

Dalam menjelaskan masalah sikap terhadap bahasa, dimensi ini lebih jarang ditangani; ia mencerminkan tekanan sosial yang beroperasi untuk mengekalkan kesetiaan terhadap kurapak Barunai. Para penutur beranggapan bahawa bahasa mereka cukup sihat dalam jaringan kumpulannya sehinggalah penutur yang tinggal semuanya sudah tua. Sikap ini lazim, bahkan ketika penutur yang lebih muda masih separuh mahir kurapak Barunai atau tidak mempunyai pengetahuan tentang bahasa tradisi itu, transmisi normal bahasa itu telah lama terhenti. Pada waktu masyarakat Melayu Brunei di Sabah menyedari akan berlakunya kehilangan bahasa, sudah terlambat untuk menoleh ke belakang. Hal yang sama dilihat ketika Fishman mengatakan bahawa "peralihan bahasa sering merupakan proses perlahan dan kumulatif" (Fishman, 1991:40). Fishman menganggap proses yang beransur-ansur itu (disebut sebagai 'kontinum') sangat sukar untuk diperhatikan kerana pada masa orang menyedari bahawa bahasa itu terancam, fasa yang beransur-ansur sudah berakhir.

Jenis masalah sikap lain yang sering dihadapi oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah ialah penutur dalam kalangan pelajar Melayu Brunei (generasi muda) menggunakan bahasa yang berbeza daripada bahasa asli yang dituturkan oleh generasi tua. Hal ini menghasilkan perubahan yang sangat cepat menuju kepada bahasa yang terancam atau pupus. Jika percakapan penutur generasi muda dianggap oleh penutur generasi tua sebagai tidak memadai kerana sikap mereka yang mementingkan kesempurnaan bahasa, maka penutur golongan muda mungkin berputus asa untuk terus bertutur dalam bahasa ibunda. Pengamatan ini dibuat oleh Bradley (2002) dalam kajiannya tentang bahasa Bisu dan Gong di Thailand. Bradley percaya jika versi 'separuh mahir' dalam bahasa ibunda diterima dalam komuniti, versi ini dapat bertahan atau perubahan mungkin berterusan. Pengamatannya menunjukkan jenis perubahan yang demikian telah dipermudahkan dan telah bersatu dengan struktur bahasa pengganti, di mana semua atau sebahagian besar penutur cenderung dwibahasa.

Keperluan untuk mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan mewujudkan percampuran kod mengikut keperluan berkomunikasi yang menjejaskan nilai kurapak Barunai. Umpamanya, hasil kajian Jaludin (2008:190) mendapati informan yang berumur 20 tahun ke bawah mengaku sudah tidak memakai kata sapaan yang diwarisi dari zaman dahulu. Golongan ini lebih suka menggunakan kata sapaan *uncle* atau *auntie*, yakni penggunaan kata *daddy*, *mum*, *mummy* sudah menjadi lumrah kedengaran di tempat umum. Nilai komersil tidak menyerlah bagi bahasa Melayu Brunei dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa pendidikan secara tidak langsung menggalakkan penjajahan minda yang mempengaruhi persepsi dan nilai hidup pelajar Melayu Brunei. Minda yang terjajah akan kagum dan terkesima dengan budaya yang dibawa oleh bahasa Inggeris. Jasad masih Melayu, tetapi dari segi budaya dan rohaniah sudah bukan Melayu. Dalam setiap bahasa ada muatan rohaniahnya, iaitu nilai agama yang mendasari bahasa ini. Umpamanya, bahasa Arab, Turki, Parsi, Urdu dan Melayu, semuanya mengandungi muatan rohaniah Islam (Abdullah, 2009:74). Hal ini dapat dilihat



daripada istilah agama yang digunakan dan ungkapan yang mengandungi unsur Islam. Oleh sebab itu, apabila pelajar Melayu Brunei menerima dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ekspresif, mereka juga menyerap muatan nilai agama Kristian secara tersirat. Bahasa Inggeris yang dapat menyebarkan ilmu moden dalam bidang sains dan teknologi dengan sendirinya menjadi popular, diturunkan kepada generasi seterusnya dengan bangga dan akan dipelajari oleh masyarakat Melayu Brunei untuk sama-sama meraih faedah nilai komersil yang ada padanya.

Cabaran yang dihadapi dalam pembentukan identiti bahasa ialah masalah komunikasi. Setiap kumpulan etnik di Malaysia lebih cenderung untuk menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam komunikasi harian mereka termasuklah pelajar Melayu Brunei. Hal ini menyebabkan masalah dalam pergaulan apabila berkomunikasi dengan kumpulan etnik lain. Dalam keadaan tertentu, rakan-rakan dari kumpulan etnik lain akan berasa keliru apabila rakan mereka menggunakan bahasa yang mereka tidak fahami semasa berinteraksi dengan kumpulan yang terdiri daripada pelbagai etnik. Masalah komunikasi boleh menjejaskan hubungan yang lebih baik antara kumpulan etnik yang berlainan. Menurut hasil kajian Mohd. Yusof et al. (2012:74), etnik Melayu yang merupakan etnik majoriti di negara ini mempunyai skor identiti yang lebih rendah berbanding dengan etnik minoriti.

Wujud persaingan penggunaan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam kalangan kaum Melayu masa kini. Siti Rahimah et al. (2014:152-155) berpendapat bahawa percampuran bahasa dalam kalangan etnik Melayu adalah tidak wajar sama sekali kerana tidak seperti etnik lain, orang Melayu tidak mempunyai keperluan untuk mengalem jati diri etnik lain. Hal penutur menukar dan mencampurkan kod bahasa sekalipun bercakap sesama bangsa sendiri juga pernah dinyatakan oleh Rezaei et al. (2017:11). Oleh itu, penggunaan bahasa Inggeris yang berlebih-lebihan dan secara sengaja dalam komunikasi harian adalah perkara yang tidak relevan, khususnya dalam konteks orang Melayu sendiri. Selain mencemarkan martabat bahasa Melayu, sudah pasti gejala sekerat Melayu sekerat Inggeris ini akan mencemarkan pengguna bahasa Melayu di Malaysia.

Sebagai rumusan, penggunaan bahasa Melayu Brunei sebagai bahasa ibunda semakin luntur kerana bahasa Melayu Brunei terbatas penggunaannya dalam komuniti etnik Brunei sahaja. Peserta kajian rintis melaporkan faktor utama yang membentuk identiti bahasa mereka ialah orang yang mereka temui, loghat Melayu standard, dan kurikulum dalam sistem pendidikan di Sabah. Dalam menjelaskan masalah sikap terhadap bahasa, dimensi lain ialah kesetiaan bahasa pelajar Melayu Brunei semakin luntur. Jenis masalah sikap lain yang sering dihadapi ialah generasi muda menggunakan bahasa yang berbeza daripada bahasa asli yang dituturkan oleh generasi tua. Keperluan untuk mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan mewujudkan percampuran kod dalam komunikasi yang menjejaskan nilai kurapak Barunai. Cabaran yang

dihadapi dalam pembentukan identiti bahasa ialah masalah komunikasi. Setiap kumpulan etnik di Malaysia lebih cenderung untuk menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam komunikasi harian, termasuklah pelajar Melayu Brunei. Pada masa yang sama wujud persaingan penggunaan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam kalangan kaum Melayu masa kini.

### **Objektif Kajian**

Penyelidik mengemukakan tiga objektif kajian untuk melengkapkan matlamat utama kajian ini. Setiap objektif saling melengkapi kerana tanpa salah satu daripadanya isi tesis ini tidak sempurna dalam menghubungkan penggunaan bahasa Melayu dengan identiti bahasa pelajar Melayu Brunei di Sabah. Objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di Sabah berdasarkan Teori Analisis Domain.
2. Menganalisis tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di Sabah berdasarkan model identiti Bahasa.
3. Merumuskan hubungan antara sikap dengan identiti bahasa dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di Sabah.

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah penggunaan bahasa pelajar Melayu Brunei dalam domain khusus seperti yang terdapat dalam Teori Analisis Domain?
2. Sejauh manakah terdapat perbezaan tahap penguasaan bahasa ibunda pelajar Melayu Brunei di Sabah berdasarkan gender?
3. Sejauh manakah pemboleh ubah sikap pelajar Melayu Brunei di Sabah menunjukkan hubungan yang signifikan dengan identiti bahasa?

### **Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian yang dikemukakan bertujuan untuk menganalisis kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah mekanisme bahasa dengan pemboleh ubah identiti bahasa dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di Membakut, Sabah. Sebanyak lima hipotesis kajian dianalisis menggunakan atur cara SPSS.

1. Terdapat hubungan yang sederhana antara pilihan penggunaan bahasa ibunda pelajar Melayu Brunei dalam domain rumah dengan identiti bahasa.

2. Terdapat hubungan yang sederhana antara pilihan penggunaan bahasa ibunda pelajar Melayu Brunei dalam domain sekolah dengan identiti bahasa.
3. Terdapat hubungan yang sederhana antara sikap pelajar Melayu Brunei terhadap bahasa ibunda dengan identiti bahasa.
4. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap bahasa Melayu standard dengan identiti bahasa.
5. Terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan bahasa Melayu Brunei dengan identiti bahasa pelajar Melayu Brunei yang dikaji.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian hubungan penggunaan bahasa dengan identiti bahasa adalah penting dalam negara berbilang kaum, termasuk Malaysia yang sedang menjalankan projek pembinaan negara bangsa. Pemilihan penggunaan bahasa yang khusus menjadi satu cara untuk menyelidik mengetahui semangat kekitaan sesama ahli terhadap bahasa Brunei dalam kalangan pelajar Melayu Brunei. Oleh itu, bahasa yang mereka gunakan boleh bertindak sebagai penanda identiti kumpulan. Penentuan pemilihan bahasa membolehkan satu kumpulan penutur dibezakan daripada yang lain berdasarkan sikap etnosentrisme (Muhammad Saiful & Xang (2017:382). Sebagai contoh, pelajar Melayu Brunei perlu menguasai bahasa Melayu standard (bahasa kebangsaan) dan bahasa Inggeris (bahasa antarabangsa). Dalam konteks kajian ini, pelajar Melayu Brunei di negeri Sabah memainkan peranan mewakili golongan muda etnik tersebut. Cara pelajar Melayu Brunei mengidentifikasikan diri mempunyai kesan besar ke atas isu perpaduan di negeri Sabah kerana mereka adalah sebahagian daripada komposisi penduduk negeri ini.

Penutur daripada generasi muda masyarakat Brunei menggunakan bahasa untuk berinteraksi dengan ciri distingtif yang membolehkan orang membezakan mereka daripada kumpulan penutur etnik lain. Hal ini membenarkan bahasa menjadi salah satu unsur identiti sosial yang paling penting. Selain itu, bahasa ialah wahana yang digunakan untuk menyebarkan budaya kumpulan dari satu generasi ke generasi lain (Padilla, 1999:111). Sikap pelajar Melayu Brunei terhadap bahasa ibunda sentiasa mengalami proses pembangunan, berubah mengikut arus masa dan dinamik masyarakat, menggabungkan unsur-unsur baharu dan meninggalkan yang lama. Sikap mereka terhadap bahasa ibunda menerangkan pandangan dunia mereka secara literal yang membentuk cara pemikiran dan ekspresi yang unik (Noor Azam & Siti Ajeerah, 2016:20).

Sikap bahasa merupakan salah satu cara untuk mencapai perpaduan yang seterusnya dapat memaklumkan para pembuat dasar untuk melakukan tindakan yang sesuai bagi mempromosikan bahasa atau memelihara bahasa daripada diabaikan oleh penutur asli. Penggunaan bahasa Melayu Brunei sebagai asas penanda sikap setia pada bahasa ibunda dalam kategori sikap afektif penting

dikaji. Sikap dalam kategori inilah yang benar-benar menunjukkan sikap setia terhadap bahasa. Kenyataan ini selari dengan gagasan Hesbacher & Fishman (1965:153) yang mengatakan sikap setia bahasa itu terbentuk apabila para penutur menggunakan bahasa tersebut. Sikap afektif dalam konteks kajian ini bermaksud bahasa yang benar-benar diamalkan atau berfungsi dalam pelbagai aspek kehidupan, baik sosial, ekonomi mahupun politik. Ini kerana dalam konteks beginilah sesebuah masyarakat itu boleh dianggap setia kepada bahasa ibunda warisannya.

Sikap bahasa dalam kajian ini diukur berasaskan fungsian atau penggunaan bahasa tersebut dalam kehidupan sebenar. Sikap positif pelajar Melayu Brunei terhadap bahasa ibunda yang dimiliki oleh bangsanya boleh dianggap sebagai satu penanda adanya identiti bahasa dan bangsa. Secara tidak langsung ianya menyumbang kepada pengekalan bahasa Melayu Brunei agar tidak hilang ditelan zaman. Begitu juga sebaliknya, jika sesebuah masyarakat, penutur mempunyai sikap yang negatif terhadap bahasa sendiri, ini menggambarkan bahawa bahasa itu tidak lagi dipandang tinggi dan secara tidak langsung bangsanya juga akan dengan perlahan menuju ke arah kepupusan bahasa. Hal ini jelas dengan pepatah 'bahasa menunjukkan bangsa.' Tahap sikap afektif yang tinggi dan amat positif, jika diperolehi daripada kajian ini secara tidak langsung dapat mengekalkan bahasa Melayu Brunei, seterusnya dapat mengukuhkan identiti bangsa pelajar Melayu Brunei. Sekiranya sikap afektif ini tidak menunjukkan tahap positif yang tinggi, dikhuatiri bahasa masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah akan ditelan zaman secara beransur-ansur. Analisis kajian ini adalah berasaskan hipotesis ini.

Kajian ini dapat menjelaskan cara pelajar Melayu Brunei di Sabah mengekalkan identitinya, yang sangat sinonim dengan agama Islam dan bahasa Melayu Brunei. Dua entiti ini terpahat dalam binaan jati diri dan budaya mereka. Sorotan kajian terdahulu mendapati bahawa bahasa Melayu sebagai penanda identiti telah dibina melalui perkaitan yang rapat dengan Islam (Gusti Ayu et al. (2017:278). Sehubungan itu, penyelidik perlu mencari hubungan antara perubahan identiti dan perubahan tingkah pertuturan (*speech acts*) yang dapat dikenal pasti melalui penggunaan bahasa yang mendasari peristiwa tingkah pertuturan tersebut. Tingkah pertuturan pelajar Melayu Brunei merupakan refleksi pemikiran terhadap nilai yang dianuti, yang merupakan sebahagian daripada ciri identiti bangsa. Sekiranya tingkah pertuturan Melayu Brunei berdasarkan amalan budaya mereka, maka pengkaji wajar mengetahui tingkah pertuturan yang menjadi pegangan berdasarkan sesuatu nilai.

Domain pemilihan penggunaan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di Sabah penting dikaji kerana mereka datang daripada kelompok komuniti yang bersifat dwibahasa. Pada asasnya, Pilihan bahasa yang wujud dapat menunjukkan realiti bahasa yang digunakan mengikut kesesuaian komunikasi sehari-hari sebagaimana amalan pelajar Melayu Brunei yang dwibahasa. Pemilihan terhadap bahasa mana yang patut digunakan mengikut topik,

hubungan peranan penutur dan latar tempat memainkan peranan untuk menghubungkan perasaan kekitaan dalam masyarakat dwibahasa. Menurut pandangan Mohammed Azlan (2010:101), tanpa pilihan bahasa, individu dalam masyarakat dwibahasa seolah-olah telah dihalang untuk bergaul, bekerjasama dan merasai pengalaman hidup bersama.

Bahasa Melayu Brunei sebagai salah satu bahasa masyarakat minoriti di Sabah wajar dikaji supaya keadaan sebenarnya dapat dikenal pasti. Hasil daripada kajian ini sedikit-sebanyak dapat memberi idea dalam perancangan agar bahasa ini dapat terus bertahan dalam mengekalkan identiti dan memperkasakan masyarakat tersebut. Seperti telah dinyatakan, masyarakat Melayu Brunei merupakan salah sebuah kumpulan etnik minoriti di Sabah. Dalam situasi geo budaya sedemikian rupa, kecenderungan untuk menggunakan bahasa lain selain daripada bahasa ibunda dalam masyarakat budaya induk tidak dapat dielakkan. Kecenderungan ini lebih ketara lagi lantaran wujudnya tekanan daripada segi ekonomi dan politik yang dikuasai oleh kumpulan etnik lain yang lebih besar (Irfan et al., 2018: 33). Tekanan-tekanan ini boleh menyebabkan berlakunya perubahan dan peralihan pada bahasa. Ini sekali gus akan mengubah identiti masyarakat Melayu Brunei.

Sebagai rumusan, hasil kajian tentang pemilihan penggunaan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu Brunei adalah penting agar penyelidik mengetahui semangat kekitaan mereka terhadap bahasa Melayu Brunei. Hasil kajian dapat menentukan bahasa mana yang menjadi unsur identiti sosial generasi muda etnik Melayu Brunei di Sabah. Penggunaan bahasa Melayu Brunei sebagai asas penanda sikap setia pada bahasa ibunda dalam kategori sikap afektif penting dikaji. Secara tidak langsung ianya menyumbang kepada pengekalan bahasa Melayu Brunei agar tidak hilang ditelan zaman. Dalam hal ini, penyelidik perlu menganalisis tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di Sabah berdasarkan model identiti bahasa begitu juga hubungan di antara sikap dan identiti bahasa mereka. Hasil daripada kajian ini memberikan idea dalam merancang kelestarian bahasa Melayu Brunei di daerah Membakut, Beaufort, Sabah.

### **Batasan Kajian**

Batasan kajian ini adalah berkaitan dengan dua pemboleh ubah kajian, iaitu penggunaan bahasa Melayu dan identiti bahasa. Penggunaan bahasa Melayu dikaji berdasarkan domain kekeluargaan dan pendidikan. Prinsip Teori Analisis Domain (Fishman) digunakan untuk meneliti penggunaan bahasa Melayu pelajar Melayu Brunei. Model Identiti Bahasa (Rezaei) pula digunakan untuk menentukan enam komponen identiti bahasa pilihan pelajar Melayu Brunei. Daerah Membakut dipilih sebagai lokasi kajian kerana majoriti etnik Melayu Brunei di Sabah bermukim di daerah pedalaman ini. Kaedah tinjauan dan temu bual bersemuka dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut (2) terhadap semua pelajar tingkatan empat etnik Melayu Brunei yang berjumlah 56

orang (26 perempuan dan 30 lelaki). Hanya terdapat dua kelas tingkatan empat di sekolah berkenaan. Pemilihan sampel mengambil kira majoriti etnik di tingkatan empat, iaitu 93% pelajar etnik Melayu Brunei dan 7% etnik-etnik lain. Jangka masa kajian adalah selama lapan bulan yang bermula pada 7 Mac 2018 hingga 7 Oktober 2018. Hal ini kerana penyelidik menjalankan sesi temu bual tentang komponen abjad/skrip dalam Model Identiti Bahasa yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Identiti bahasa dikaji dalam konteks luas yang difokuskan kepada 6 komponen, iaitu semangat kekitaan terhadap bahasa Brunei, sikap terhadap sebutan, bahasa dan status sosial, penggunaan/pendedahan B1 dalam masyarakat, pengetahuan bahasa dan juga skrip/abjad. Ciri komponen tersebut dipadankan daripada Model Identiti Bahasa (Rezaei, 2013). Dalam hubungan ini, aspek kosa kata dan struktur ayat dalam kalangan pelajar Melayu Brunei adalah berdasarkan Senarai kata Melayu Swadesh (2013) dan Clynes (2001).

### **Definisi Operasional**

Definisi operasional digunakan untuk memberi pemahaman tentang pemboleh ubah aktiviti kajian yang perlu diukur oleh penyelidik. Definisi operasional ialah jambatan antara tahap konseptual teori dengan tahap kajian yang empirikal. Penyelidik menggunakan dua definisi operasional, iaitu penggunaan bahasa Melayu pelajar Brunei dan identiti bahasa pelajar Melayu Brunei di Sabah.

### **Penggunaan Bahasa Melayu Pelajar Brunei**

Penggunaan bahasa merujuk kepada pilihan penggunaan bahasa dalam sesuatu domain. Penggunaan bahasa sering terikat dengan domain yang boleh dikenal pasti di peringkat institusi sosial seperti rumah, sekolah, dan lain-lain bertepatan dengan sesuatu kegiatan (Fishman, 1972:20). Pelajar Melayu Brunei diandaikan menggunakan bahasa yang berbeza dalam domain rumah dan sekolah. Kebanyakan pelajar Melayu Brunei masih memilih untuk menggunakan bahasa ibunda dalam interaksi di rumah walaupun mereka terdedah dengan bahasa Melayu standard di sekolah. Walaupun terdapat percampuran bahasa Melayu Brunei dengan bahasa Melayu standard dalam interaksi dengan para guru di sekolah, di rumah mereka masih mengekalkan bahasa mereka dalam kalangan masyarakat setempat. Keadaan ini menunjukkan tanda-tanda yang positif terhadap pengekalan bahasa Melayu Brunei.

Melayu Brunei dikenal pasti sebagai kumpulan etnik di Sabah. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Brunei Darussalam (cakap barunay, kurapak barunay) dan sebagai bahasa ibunda. Ramai penduduk yang menuturkan sebagai bahasa kedua. Secara amnya, variasi yang dikenal pasti sebagai bahasa Melayu Brunei dituturkan oleh kumpulan etnik Brunei di Brunei dan di kawasan jirannya

Malaysia, iaitu di Timur Sarawak (Limbang, Lawas, dan di Miri) dan di Sabah, iaitu di sekitar Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan di Pulau Labuan (Clynes, 2001: 11).

Pelajar Melayu Brunei dalam kajian ini bermastautin di daerah kecil Membakut, Sabah (Malaysia) dan tertakluk serta patuh kepada sebarang dasar dan pelaksanaan dasar tertentu di negara ini. Pandangan ini diambil kerana orang Melayu di negara yang berlainan tidak mengalami peristiwa sejarah dan sosial yang sama. Oleh sebab itu, pelajar Melayu Brunei dalam kajian ini tidak membuat pengitlakan umum yang mencakupi pelajar Melayu Brunei di luar sempadan politik Malaysia, seperti negara Brunei Darussalam.

Pelajar Melayu Brunei yang dimaksudkan ialah sekumpulan remaja berumur 15 tahun yang berasal daripada etnik Melayu Brunei. Mereka menuntut dalam tingkatan empat di SMK Membakut (2), Sabah. Kumpulan remaja ini bertutur menggunakan bahasa ibunda, dialek Melayu Sabah dan Bahasa Inggeris. Terdapat juga remaja yang menggunakan bahasa campuran kerana ibu bapa mereka kahwin campur dengan etnik lain di Sabah.

### **Identiti Bahasa Pelajar Melayu Brunei di Sabah**

Identiti adalah berdasarkan persamaan dan perbezaan. Individu mengenal pasti identiti mana yang serupa dengan diri mereka. Sebaliknya, mereka sering bimbang akan apa yang mereka anggap sebagai berbeza atau bertentangan. Tamimi (2017:15) menyatakan bahawa 'identiti' berasal daripada bahasa Latin 'identitas' yang bermaksud 'sama'. Oleh itu, bentuk asas identiti ialah kesamaan. Identiti bahasa ialah salah satu faktor yang paling penting dalam mengekalkan identiti etnik yang kuat dalam kumpulan minoriti. Hal ini kerana bahasa berfungsi untuk mengklasifikasikan dan menyatukan ahli ke dalam kumpulan etnik (*in-group*), serta untuk mengecualikan orang dari luar kumpulan etnik (*out group*) daripada berinteraksi dengan orang yang tergolong dalam kumpulan (Chuang, 2004:58). Semakin mahir seseorang dalam bahasa ibunda, semakin kuat identiti etnik dan keterikatan dengan ahli dalam kumpulan etnik.

Beberapa kajian tentang pelajar bangsa Cina, Korea, Vietnam, Mexico, Perancis dan India menunjukkan mereka dapat mengekalkan identiti bahasa ibunda kerana adanya sokongan ibu bapa. Mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk berjaya di sekolah berbanding pelajar yang mengasimilasikan budaya arus perdana (Yu, 2015: 60).

Dalam kajian ini, konstruk identiti bahasa pelajar Melayu Brunei di Membakut, Sabah yang terdiri daripada 6 komponen, iaitu 1. Semangat Kekitaan terhadap Bahasa Brunei, 2. Sikap terhadap Sebutan, 3. Bahasa dan Status Sosial, 4.

Penggunaan/Pendedahan B1 dalam Masyarakat, 5. Pengetahuan Bahasa, dan 6. Skrip/Abjad. Sumber identiti bahasa tersebut dipadankan daripada Model Identiti Bahasa Rezaei (2013). Menurut Rezaei, identiti bahasa merupakan cara orang mengenali satu sama lain melalui bahasa atau dialek atau loghat yang mereka gunakan. Item-item soalan yang dapat membentuk identiti bahasa ditunjukkan dalam soal selidik.

## Kesimpulan

Bahasa Melayu Brunei merupakan salah satu daripada bahasa etnik yang dituturkan di negeri Sabah. Bahasa Brunei bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat Brunei di Sabah, malahan menjadi ciri yang mendefinisikan bangsa. Pengkaji berhasrat untuk meneliti penggunaan, tahap, sikap dan penguasaan bahasa Melayu Brunei dalam kalangan pelajar Melayu Brunei di daerah Membakut, Beaufort, Sabah. Seterusnya, bahasa tersebut dihubungkan dengan identiti bahasa dalam konteks negara Malaysia. Bahasa Melayu Brunei yang dikenali dalam kalangan orang Brunei sebagai cakap Barunai atau kurapak Barunai menunjukkan kelainan daripada bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia. Maklumat daripada sejarah mendapati bahawa cakap Barunai merupakan bahasa Melayu yang paling berpengaruh, baik di utara Borneo, bahkan lebih jauh lagi. Bahasa Melayu Brunei telah lama berfungsi sebagai lingua franca serantau, yang mencerminkan fakta bahawa sebahagian besar negeri Sabah pada masa kini pernah ditadbir di bawah kerajaan Brunei dan dihuni oleh orang Brunei.

Tiga objektif telah dikenal pasti untuk melengkapkan matlamat utama kajian ini. Setiap objektif saling melengkapi, jika tanpa salah satu daripadanya, isi tesis ini tidak sempurna dalam menghubungkan penggunaan bahasa Melayu dengan identiti bahasa pelajar Melayu Brunei di daerah Membakut, Sabah. Objektif-objektif kajian dirancang selaras dengan permasalahan kajian mengikut analogi penyelidik. Salah satu daripadanya ialah semangat kekitaan pelajar Melayu Brunei terhadap bahasa Melayu standard lebih kuat berbanding dengan semangat kekitaan mereka terhadap bahasa Melayu Brunei. Hal ini menyebabkan penggunaan bahasa Melayu Brunei sebagai ibunda semakin merosot. Dalam menjelaskan masalah sikap terhadap bahasa, dimensi lain ialah perpaduan dalam kelompok (*ingroup solidarity*). Dimensi ini lebih jarang ditangani; ianya mencerminkan tekanan sosial yang beroperasi untuk mengekalkan kesetiaan terhadap kurapak Barunai. Hakikatnya, penyelidikan antara hubungan bahasa dengan identiti semakin penting, khususnya Malaysia yang sedang membina negara bangsa. Cara orang Brunei mengidentifikasikan diri mempunyai kesan besar ke atas isu perpaduan di negeri Sabah kerana mereka adalah sebahagian daripada komposisi penduduk negeri ini. Dalam konteks kajian ini, pelajar Melayu Brunei di negeri Sabah memainkan peranan mewakili golongan muda etnik tersebut. Dengan cara ini, bahasa boleh bertindak sebagai penanda identiti dan menjadi lambang kumpulan. Kajian ini meliputi penggunaan bahasa Melayu dan identiti bahasa dalam kalangan pelajar Melayu Brunei. Prinsip Teori Analisis Domain (Fishman, 1965) dalam domain



kekeluargaan (rumah) dan pendidikan (sekolah) diaplikasikan dalam konteks tersebut. Selain itu, Model Identiti Bahasa (Rezaei, 2013) digunakan untuk mengetahui dengan lebih jelas komponen identiti bahasa pelajar Melayu Brunei.



## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di persimpangan: antara identiti dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 16: 59-81.
- Abd. Hadi Kudin & Karim Harun. (2017). Diglosia dan loyalti bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai. *Jurnal Linguistik*, 21(2): 48-59.
- Abdul Malik Omar (2017). Is Bahasa Melayu really losing its grip in Brunei? Retrieved from <https://amotimes.wordpress.com/2017/09/05/is-bahasa-melayu-really-dying-in-brunei/>
- Abdul Rasid Jamian, Azhar Md. Sabil, Shamsudin Othman, Nur Nabilah Zakaria & Tahereh Kaboodvand. (2017). Mastery of language grammar among non-Malay students. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7: 981-995.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1993). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ammar Asyraf Mansor & Sa'adiah Binti Ma'alip. (2020). Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2): 1-17.
- Anak Agung Putu, Ni Luh Nyoman Seri, & I Nyoman Suparwa. (2015). Adaptasi kosakata bahasa Bali dalam bahasa Melayu Loloan Bali. *Jurnal Litera*, 14(1): 26-36.
- Annie Dayani Ahad Abdullah & Calvin Chan. (2018). Social media use among teenagers in Brunei Darussalam. pp. 195-205. *15th Conference on e-Business, e-Services and e-Society (I3E)*, Sep 2016, Swansea, United Kingdom.
- Ary, D.J., Razavieh, A., & Sorensen, C. (2006). *Introduction to Research in Education* (7th ed.). Belmont: Thomson Wadsworth.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Enskilopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bachamiya Abdul Hussainmiya (2010). The Malay identity in Brunei Darussalam and Sri Lanka. *South East Asia. A Multidisciplinary Journal*, 10: 65-78.
- Bailey, K.D. (1987). *Methods of Social Research*. 3rd Edition. New York: The Free Press.

- Bartlett, J.E., Kotrlik, J.W., & Higgins, C.C. (2001). Organizational research: determining appropriate sample size in survey research. *Information Technology, learning, and Performance Journal*, 19(1): 43-50.
- Bilcher Bala, Baszley Bee, Basrah Bee, & Jakaria Dasan. (2008). Pengaruh Kesultanan Brunei kepada Masyarakat Sabah (Siri I & II). *Utusan Borneo*, 3 April 2008:ms.13
- Boyce, C., & Neale, P. (2006). *Conducting In- Depth Interviews: a Guide for Designing and Conducting In Depth Interviews for Evaluation Output*. Massachusetts: Pathfinder International.
- Boucher-Yip, E.F. (2013). *Language Maintenance and Shift in One Semai Community in Peninsular Malaysia*. PhD Thesis. University of Leicester, England.
- Bradley, D. (2002). Language attitudes: the key factor in language maintenance. In Bradley, D., & Bradley, M. (Eds.). *Language endangerment and language maintenance* (pp.1-10). London: Routledge.
- Brown, J.D. (2008). Effect size and eta squared. *Shiken: JALT Testing & Evaluation SIG Newsletter*. 12(2): 38-43.
- Chin Grace & Kathrina Mohd Daud. (Eds.). (2017). *The Southeast Asian Woman Writes Back: Gender, Identity and Nation in the Literatures of Brunei Darussalam, Malaysia, Singapore, Indonesia and the Philippines*. Singapore: Springer.
- Chong Shin. (2020). Asal-usul dan perubahan identiti kaum Melanau di Sarawak: suatu hipotesis. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 4(1): 77-89.
- Clynes, A. (2001). Brunei Malay: an overview. *Occasional Papers in Language Studies*, 7: 11-43.
- Clynes, A., & Deterding, D. (2020). Standard Malay (Brunei). *Journal of the International Phonetic Association*, 41(2): 259-268.
- Coluzzi, P., Riget, P.N., & Xiaomei, W. (2017). Language vitality among the Orang Asli of Malaysia: the case of the Mah Meri on Telo' Gunjeng (Carey Island, Selangor). *International Journal of the Sociology of Language*, 244: 137-161.
- Coluzzi, P., Riget, P.N., & Kitade, R. (2018). Is the Baba Nyonya a doomed minority? A preliminary study on the vitality of Baba Malay in Melaka (Malaysia). *Grazer Linguistische Studien* 89: 111-139.

- Daisy Paul. (2017). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Dusun di Inanam, Sabah. In Noor Aina Dani et al. (Eds.). *Prosiding SEAPSIL 2017: Seminar Antarabangsa Psikolinguistik Kali Ke-4*, 116-128. Kuala Lumpur: Persatuan Psikolinguistik Malaysia.
- Daisy Paul, Zuraini Seruji & Noor Aina Dani. (2020). Pemfosilan dalam bahasa antara generasi muda Suku Dusun Tindal. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(34): 212-233.
- Daw, E. (2020). Phonotactics. Retrieved from Wisegeek.com. 8.9.2020
- Deterding, D. & Ishamina Athirah. (2017). Brunei Malay. *Journal of the International Phonetic Association*, 47(1): 99-108.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. (2010). *Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Eberhard, D.M., Gary, F.S., & Charles, D.F. (Eds.). (2019). *Ethnologue: Languages of the world. Twenty-second edition*. Texas: SIL International. Retrieved from <http://www.ethnologue.com>.
- Eckert, P. & McConnell-Ginet, S. (2003). *Language and Gender*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Edwards, J. (2009). *Language and Identity: Key Topics in Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Faisal Hazis. (2008). Contesting Sarawak Malayness: Glimpses of the Life and Identity of the Malays in Southwest Sarawak. In Zawawi Ibrahim. (Ed.). *Representation, Identity and Multiculturalism in Sarawak* (pp. 263-296). Kuching: Dayak Cultural Foundation and Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Ferguson, C.A. (1959). Diglossia. *Word*, 15: 325-40.
- Fishman, J.A. (1965). Who speaks what language to whom and when? *La Linguistique*, 1(2): 67-88.
- Fishman, J.A. (1967). Bilingualism with and without diglossia; diglossia with and without bilingualism. *Journal of Social Issues*, 23(2): 29-38.
- Fishman, J.A. (1972). Domains and the Relationship between Micro and Macrosociolinguistics. In Gumperz, J., & Hymes, D. (Eds.). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* (pp. 435-453). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Fishman, J.A., & Gertner, M.H. (1985). *The Rise and Fall of the Ethnic Revival: Perspectives on Language and Ethnicity*. Berlin: Walter de Gruyter & Co.
- Fishman, J.A. (1990). What is reversing language shift (RLS) and how can it succeed? *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 11: 5- 36.

- Fishman, J.A. (1991). *Reversing Language Shift*. Philadelphia: Multilingual Matters.
- Fishman, J.A. (Ed.). (2001). *Can Threatened Languages be Saved: Reversing Language Shift, Revisited: A 21st Century Perspective*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Foley, B. (2018, March 3). Purposive Sampling 101. What is purposive sampling? Retrieved from <https://www.surveygizmo.com/resources/blog/purposive-sampling-101/>
- Grande, T. (2015, December 27). Calculating and interpreting Eta and Eta-squared using SPSS. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?reload=9&v=cYZSjy4RTPg>
- Gusti Ayu Gde Sosiowati, Ni Made Ayu Widiastuti & I Wayan Arka. (2017). Constructing Identity and Language Vitality of Minority Language: Evidence from Loloan Malay. In Sudipa et al. (Eds.). *Proceedings of the 8th International conference on Austronesian and Papuan languages*, 273-282. Denpasar: Udayana University Press.
- Hayat Graoui. (2019). *Language and Ethnic Identity in a Multi-ethnic High School in Wales*. PhD Thesis. Cardiff University, United Kingdom.
- Haryati Abdul Karim, Kntayya Mariappan & Diana Peters. (2016). Local-global media images, future lives: hybrid identities among rural Sabahan youths. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 18(2): 21-36.
- Hesbacher, P. & Fishman, J.A. (1965). Language loyalty: its functions and concomitants in two bilingual communities, *Lingua*, 13: 145-65.
- Idris Aman, Mohammad Fadzeli Jaafar & Norsimah Mat Awal. (2019). Language and identity: a reappraisal of Negeri Sembilan Malay language. *Kajian Malaysia*, 37(1): 27-49.
- Indeed.com. (2020, August 20). How to calculate average percentage: formula and examples. Retrieved from <https://www.indeed.com/career-advice/career-development/how-to-calculate-average-percentage>
- Irfan Ullah, Mokhtar Saidin & Bobby Anderson. (2018). Character, identity formation in North Borneo (Sabah), Malaysia: study and investigation into identities in terms of language use. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 31 (1): 27-34.
- Jackendoff, R. (2003). *Foundations of Language: Brain, Meaning, Grammar, Evolution*. Oxford: Oxford University Press.
- Jaludin Chuchu. (2008). Bahasa Melayu Brunei dan identiti: hala tuju ke depan. *Linguistik Indonesia*, 2: 186-196.

- James Kon (2017, August 26). Malay language losing grip. Borneo Bulletin, Retrieved from <https://borneobulletin.com.bn/malay-language-losing-grip/>
- Janmaat, J.G., & Mons, N. (2011). Promoting ethnic tolerance and patriotism: the role of education system characteristics. *Comparative Education Review*, 55(1): 056-081.
- Jennifer M.We. (2008). *Language Choice and Identity Politics in Taiwan*. New York: Lexington Books.
- Kershaw, R. (1998). Marginality then and now: shifting patterns of minority status in Brunei Darussalam. *Internationales Asienforum*, 29(1-2): 83-106.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki (2017). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 24-33.
- Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. (2017). *Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan Negeri Sabah.
- Lewis, M.P. (Ed.). (2009). *Ethnologue: Languages of the World, 16th edition*. Dallas: SIL International.
- Linneman, J.T. (2011). *Social Statistics: The Basic and Beyond*. New York: Routledge.
- Loo, S.P. (2009). Ethnicity and educational policies in Malaysia and Brunei Darussalam. *SA-eDUC Journal*, 6(2): 146-157.
- Malay Swadesh List, Wiktionary (2018, May 9). Retrieved from [https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay\\_Swadesh\\_list](https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay_Swadesh_list)
- Mataim Bakar. (2007). *The Phonotactics of Brunei Malay: An Optimality Theoretic Account*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Md. Roslan Suhailin, Arba'ie Sujud, Rozita Che Rodi & Sharil Nizam Sha'ri. (2020). Realiti daya hidup bahasa Bisaya Muslim sebagai etnik minoriti di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7): 82-95.
- Mehdi Granhemat & Ain Nadzimah Abdullah. (2017). Gender, ethnicity, ethnic identity, and language choices of Malaysian youths: the case of the family domain. *Advances in Language and Literary Studies*, 8(2): 26-36.
- Mohd Izham Unnip Abdullah. (2019, Jun 21). BH Online. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/06/576560/pusat-kebudayaan-perkenal-keunikan-etnik-bisaya>

- Mohammed Azlan Mis. (2010). *Lingua franca* di Sarawak: aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 10(2): 97-116.
- Muhammad Saiful Haq Hussin & Xang Xiaofeng. (2017). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yuk Chyun: kajian Kes. In Noor Aina Dani et al. (Eds.). *Prosiding SEAPSIL 2017: Seminar Antarabangsa Psikolinguistik Kali Ke-4*, 359-385. Kuala Lumpur: Persatuan Psikolinguistik Malaysia.
- Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir, Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal, Shamsul Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi, Noralina Omar, & Mujahid Abu Bakar. (2012). Identiti Kebangsaan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 67-78.
- Noor Aina Dani, Norazlina Mohd. Kiram, Mohd. Arifin Mohd. Arif, Kamarlin Ombi, Roslan Suhailin, Sharil Nizam Sha'ri & Daisy Paul. (2019). Endangered intergenerational language transmission: evidence from the indigenous Dusun society of Sabah, Malaysia. *PERTANIKA Journal of Social Sciences and Humanities*, 27(1): 1-12.
- Noor Azam Othman & Siti Ajeerah Najib. (2016). The State of Indigenous Languages in Brunei. In Noor Azam Haji Othman, James McLellan & David Deterding. (Eds.). *The Use and Status of Language in Brunei Darussalam* (pp. 17-28). Singapore: Springer.
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 33-41.
- Oxford, R.L., & Burry-Stock, J.A. (1995). Assessing the use of language learning strategies worldwide with the ESL/EFL version of the strategy inventory for language learning (SILL). *System*, 23(1): 1-23.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS* (3rd ed.). New South Wales: Allen & Unwin.
- Pepinsky, T.B., Abtahian, M., & Cohn, A. (2020, January 31). Urbanization, ethnic diversity, and language shift in Indonesia. Retrieved from SSRN: <https://ssrn.com/abstract=3529422> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3529422>
- Ponto, J. (2015). Understanding and evaluating survey research. *Journal of the Advanced Practitioner Oncology*, 6(2): 168-171.
- Pugh-Kitingan, J. (2017). An overview of cultural research in Sabah. Borneo Studies in history, society and culture. *Asia in Transition*, 4: 235-259.

- Reniwati, Midawati & Noviatr. (2017). Lexical variations of Minangkabau language within West Sumatra and Peninsular Malaysia: a dialectology study. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space*, 13(3): 1-10.
- Rezaei, S. (2013). *A Longitudinal Investigation of EFL Learners' Identity Construction in the Iranian Context*. PhD Thesis. Taheran Allameh Tabataba'i University, Iran.
- Rezaei, S., Ashkan, L., & Arash, N. (2017). Attitude towards Azeri language in Iran: a large-scale survey research. *Journal Of Multilingual And Multicultural Development*, 38(10): 1-11.
- Riley, P. (2007). Introduction. Language, culture and identity: an ethnolinguistic perspective. *Continuum*, 1-20.
- Sarwo Wibowo. (2016). Pemetaan vitalitas bahasa-bahasa daerah di Bengkulu: Pentingnya tolok ukur derajat kepunahan bagi perlindungan bahasa daerah. *Ranah*, 5(2): 139-151.
- Saussure, F. de. (2011). *Course in General Linguistics*. Translated by Wade Baskin, Perry Meisel & Haun Saussy. (Eds.). New York: Columbia University Press. From Saussure, F. de. (1959). *Course in General Linguistics*. New York: Philosophical Library.
- Schulz, Y. (2017). The immense value of poor migrants: state policies, Christian morality and primary education in Sabah, Malaysia. *South East Asia Research*, 25(3): 301-318.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. *Jurnal Bahasa*, 14(1): 134-158.
- Sumarni Lapammu. (2017). Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran maya (Vle) Frog dalam pendidikan Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Tamimi Sa'd, S.H. (2017). Foreign language learning and identity reconstruction: learners' understanding of the intersections of the self, the other and power. *Center for Education Policy Studies Journal*, 7(4): 13-36.
- UNESCO Ad Hoc Expert Group. (2003, March 10-12). *Language vitality and endangerment*. Retrieved from <http://www.unesco.org/culture/ich/doc/src/00120-EN.pdf>.
- Vassberg, L.M. (1993). *Alsatian Acts of Identity: Language Use and Language Attitudes in Alsace*. Clevedon: Multilingual Matters.



- Wardhaugh, R. (2006). *An Introduction to Sociolinguistics*. (5th ed.). Oxford: Blackwell Publishing Ltd.
- Wardhaugh, R. & Fuller, J.M. (2015). *An Introduction to Sociolinguistics*. (7th ed.). West Sussex: Wiley Blackwell.
- Weinrich, U. (1953). *Languages in Contact*. New York: Columbia University Press.
- Wikipedia Ensiklopedia bebas. (2020, Ogos 1). Beaufort. Diperoleh daripada <https://ms.wikipedia.org/wiki/Beaufort>
- Wiktionary. (2018, May 9). Malay Swadesh List. Retrieved from [https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay\\_Swadesh\\_list](https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay_Swadesh_list)
- Wodak, R. (1997). *Introduction: Some Important Issues in the Research of Gender and Discourse*. London: Sage.
- Yeh, H., Chan, H., & Cheng, Y. (2004). Language use in Taiwan: language proficiency and domain analysis. *Journal of Taiwan (Nonna) University: Humanities & Social Sciences*, 49(1): 75-108.
- Yin, R.K. (1989). *Case Study Research Design and Methods*. Newbury: Sage.
- Yu, S. (2015). The Relationships among heritage language proficiency, ethnic identity, and self-esteem. *Forum for International Research in Education*, 2(2): 57-71.
- Zaharani Ahmad & Teressa Jabar. (2010). Tahap penguasaan Bahasa Melayu remaja Malaysia: analisis aspek tatabahasa. *Jurnal Linguistik Edisi Khas*, 10: 48-62.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris Pelajar Cemerlang*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zara Hosany (2016). "Who am I and Where do I Belong?". *An Exploratory Study of the Construction of Identities of People from Mixed Heritage Backgrounds in Britain*. PhD Thesis. University of East London, United Kingdom.
- Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. (2020). Pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing: analisis pola kesalahan tatabahasa dalam penulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1): 86-106.

## BIODATA PELAJAR



**MOHD. ARIFIN BIN MOHD. ARIF**

Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif ialah pelajar Program Doktor Falsafah (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor DE. Terdahulu daripada ini, beliau telah menyempurnakan Program Sarjana Muda Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti Al-Azhar, Kaherah pada tahun 1989, lulus dengan kepujian. Selanjutnya, beliau menyambung pengajian di Pusat Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra Malaysia dalam Program Master Bahasa Melayu dan bergraduasi pada tahun 2012. Pada masa ini Mohd. Arifin Bin Mohd. Arif ialah Wakil Rakyat N.31 Membakut, Sabah. Beliau memikul tanggung jawab tersebut sejak tahun 2014.

## SENARAI PENERBITAN

- Noor Aina Dani, Norazlina Mohd. Kiram, Mohd. Arifin Mohd. Arif, Kamarlin Ombi, Roslan Suhailin, Sharil Nizam Sha'ri and Daisy Paul. (2019). Endangered Intergenerational Language Transmission: Evidence from the Indigenous Dusun Society of Sabah, Malaysia. *PERTANIKA Journal of Social Sciences and Humanities*, 27(1): 1-12.
- Mohd. Arifin Mohd. Arif\*, Norazlina Mohd Kiram, & Noor Aina Dani. (2020). Konstruk Identiti Bahasa dalam kalangan Remaja Etnik Melayu Brunei di Membakut, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(35): 65-80. DOI 10.35631/IJEPC.535008
- Mohd. Arifin Mohd. Arif\*, Norazlina Mohd Kiram, & Noor Aina Dani. (2020). Aplikasi Teori Analisis Domain dalam Domain Bahasa Etnik Melayu Brunei di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7): 59-75.



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA**

**SESI AKADEMIK :** Semester Pertama 2020/2021

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

PENGUNAAN BAHASA DAN IDENTITI BAHASA PELAJAR MELAYU BRUNEI DI  
SABAH

**NAMA PELAJAR :** MOHD. ARIFIN BIN MOHD. ARIF

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]